



**DR. MAHATHIR** Mohamad dan Dr. Mohan Swamin (kanan) menyaksikan Dr. R. Mohanadas (dua dari kanan) bertukar dokumen dengan Dr. Radin Umar Radin Sohadi pada Majlis Menandatangani MoU antara Perdana University dan UPM di Putrajaya, semalam.

## Lebih baik Majlis Peguam jadi parti politik - Mahathir

PUTRAJAYA 16 Mei - Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, adalah lebih baik Majlis Peguam menjadi parti politik dan bukannya organisasi yang mewakili profesion guaman bagi mengelakkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat.

Bekas Perdana Menteri berkata, saranan tersebut perlu bagi membolehkan organisasi lain mengambil alih peranan Majlis Peguam untuk mewakili profesion guaman di negara ini.

“Saya fikir organisasi profesional perlu tumpu lebih kepada bidang mereka tetapi amat ketara Majlis Peguam seakan-akan menjadi sebuah parti politik.

“Jadi, jika itulah menjadi tumpuannya maka lebih baik ia menjadi parti politik dan biarlah organisasi lain ambil alih peranan profesional

itu,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Perdana University dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) di sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Lembaga Gabenor Perdana University, Tan Sri Dr. Mohan Swamin; Ketua Eksekutifnya, Mejar Jeneral Datuk Dr. R. Mohanadas dan Naib Canselor UPM, Datuk Ir. Dr. Radin Umar Radin Sohadi.

Dr. Mahathir ditanya mengenai cadangan penubuhan Akademi Undang-Undang bagi menggantikan Majlis Peguam yang akan dibawa ke Kabinet dan Jabatan Peguam Negara dalam masa terdekat.